



ABDULLAH AHMAD BADAWI diiringi **Dr. Noor Azlan Ghazali** (kanan) beramah mesra dengan penuntut dari **Universiti Kyoto**, Jepun yang turut serta dalam **Majlis Perasmian Simposium Antarabangsa Islam, Peradaban dan Sains**, di **UKM, Bangi, Selangor**, semalam. - **UTUSAN/MD. SHAHJEHAN MAAMIN**

Bukti konsep Islam Hadhari diterima masyarakat antarabangsa

BANGI 29 Sept. - Penubuhan Pusat Hadhari Untuk Pengajian Tamadun Islam Universiti Kyoto (Hadhari-KU), Jepun menjadi bukti bahawa konsep Islam Hadhari turut diterima masyarakat antarabangsa pelbagai agama.

Bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi berkata, usaha itu juga sebagai pengiktirafan akademik lebih-lebih lagi Universiti Kyoto (KU) mempunyai kedudukan terbaik dalam kalangan universiti di dunia.

"Terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan KU kerana menjadi tuan rumah kepada konsep Islam Hadhari di institusi masing-masing.

"Saya yakin kedua-dua institusi ini akan dapat menyebarkan konsep Islam Hadhari ke seluruh dunia," katanya ketika berucap dalam Majlis Perasmian Simposium Antarabangsa Islam, Peradaban dan Sains (ISICAS) 2015, di sini hari ini.

Seramai kira-kira 80 peserta menyertai simposium itu dengan lapan orang daripadanya merupakan pelajar-pelajar dari KU.

ISICAS kali keenam yang berlangsung selama dua hari tersebut dianjurkan oleh Institut Islam Hadhari, UKM (Hadhari-UKM) dengan kerjasama Pusat Pengajian Islam KU serta Hadhari-KU.

Abdullah yang juga pengasas kepada konsep Islam Hadhari berkata, beliau menyambut baik cadangan Hadhari-KU untuk mengadakan program kerjasama di peringkat Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dengan Hadhari-UKM.

Beliau juga menyambut baik cadangan untuk mengadakan program minggu kesedaran mengenai Islam Hadhari sempena ISICAS yang akan diadakan pada tahun depan di universiti tersebut.

"Minggu kesedaran Islam Hadhari ini akan memupuk pemahaman yang tinggi mengenai Islam

memandangkan ia bertujuan memberi maklumat berkualiti kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Kyoto," ujarnya.

Sementara itu, menurut Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali, selepas KU dan Institut Pengajian Tinggi Markfield (MIHE) di United Kingdom, Hadhari-UKM akan mengembangkan pula kerjasama dengan Universiti Islam Tashkent di Uzbekistan.

"Pihak Universiti Islam Tashkent sudah menyatakan hasrat dan minat untuk bekerjasama dalam pengajian ketamadunan Islam ini, kita memandang perkara ini dengan serius dan berharap kerjasama ini akan terjalin tidak lama lagi.

"Kita tidak akan berhenti setakat itu, misi kita dalam menyebarkan konsep Islam Hadhari ini sekurang-kurangnya wujud di mana-mana institusi di setiap benua," katanya.